



KENYATAAN MEDIA

SEMINAR KEFAHAMAN UNDANG-UNDANG SYARIAH SIRI KE-4 BAGI ZON KUALA SELANGOR DAN SABAK BERNAM

KUALA SELANGOR, 20 OKTOBER 2022

1. Program ini merupakan sebuah Seminar Kefahaman Undang-Undang Syariah Siri Ke-4 Bagi Zon Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang dirasmikan oleh **YAA Dato' Mohammad Adib Bin Husain, Ketua Hakim Syarie Selangor** yang berlangsung di Dewan Raja Lumu Kompleks Pejabat Agama Islam Daerah (PAID), Kuala Selangor pada hari ini.
2. Program ini adalah anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM). Objektif seminar ini ialah **memberi kesedaran dan kefahaman yang tepat kepada masyarakat Islam berhubung hak-hak yang diperuntukkan oleh Undang-Undang Keluarga Islam di Negeri Selangor disamping mewujudkan ruang interaksi antara JAKESS dengan masyarakat khususnya umat Islam di Selangor.**
3. Melihat kepada senario semasa, isu-isu berkaitan Mahkamah Syariah sering menjadi perbualan dan acap kali pelbagai persepsi negatif ditimbulkan terutamanya di media sosial. Lebih memburukkan keadaan, apabila maklumat tersebut dimuat naik dan dikongsi dengan pengguna-pengguna media sosial sekali gus menjadikannya tular. Walhal, maklumat dan persepsi negatif tersebut rata-ratanya berpunca daripada salah faham dan kegagalan mendapatkan maklumat yang tepat.
4. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini mengambil inisiatif untuk turun padang mendekati masyarakat bagi memberi pencerahan berhubung isu-isu yang melibatkan perundangan dan kehakiman Syariah khususnya di Negeri Selangor.
5. Siri pertama program ini telah dilaksanakan pada tahun 2018 dimana Hulu Langat menjadi zon pertama dengan tajuk "*Seminar Kefahaman Undang-*

Undang Syariah: Ketahui Hak Anda” diikuti siri kedua, dengan tajuk “*Seminar Perdana Kesedaran Undang-Undang Syariah, Pelancaran Dana Bantuan Nafkah Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Selangor dan Sistem E-Locator*” di Shah Alam Convention Centre (SACC), Shah Alam pada September 2019 manakala siri ketiga Seminar Kefahaman Undang-Undang Syariah diadakan di Kuala Langat pada hujung tahun 2019 sebelum penularan wabak COVID-19 bermula. Pelaksanaan program ini telah tergendala selama 2 tahun.

6. Alhamdulillah, pada hari ini JAKESS kembali melaksanakan Seminar Kefahaman Undang-Undang Syariah Siri ke-4 yang membawa topik “*Poligami, Antara Wajib dan Sunnah*” yang membariskan panel-panel penceramah berwibawa seperti berikut:

- I. **Tajuk: Poligami Mudah Yang Menyusahkan**
Penceramah: YBrs.Tuan Mohd Tajudin Saifullah bin Abdul Wahab
Pendaftar JAKESS

- II. **Tajuk: Hak-Hak Suami Isteri Dalam Poligami**
Penceramah: YA Tuan Salehan bin Yatim
Ketua Pendaftar JAKESS

- III. **Tajuk: Pelaksanaan Perintah Poligami**
Penceramah: YBhg.Tuan Mohamad Zakian bin Dio
Pengarah Kanan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

7. Topik poligami dipilih bagi Seminar Siri ke-4 apabila dilihat muktahir ini, berlakunya salah faham masyarakat berkenaan poligami sering didebatkan di dalam media sosial selain faktor wujudnya sendiket Nikah Haram yang menawarkan jalan mudah iaitu poligami tanpa kebenaran mahkamah khususnya di negara-negara seberang.

8. Ucapan perasmian YAA Ketua Hakim Syarie berkata “ *Poligami tanpa kebenaran ini mendatangkan implikasi besar sekiranya dilihat dari perspektif undang-undang dan sosio budaya. Selain penalti yang memperuntukkan hukuman dan denda, perkahwinan tersebut juga tidak boleh didaftarkan tanpa melalui prosiding yang ditetapkan oleh mahkamah terlebih dahulu. Dalam masa yang sama, perkahwinan tersebut juga dianggap masih belum sah, meskipun telah memenuhi peraturan syarak.*” kata beliau.

9. Turut hadir pada program hari ini ialah:

- YD Dato' Mohamad Yaacob Bin Dato' Ismail, Dato Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Selangor;
- YB. Puan Juwairiya Binti Zulkifli, Adun Bukit Melawati;
- AF Tuan Nasrul Hadi Bin Rohani, Pegawai Tadbir Agama Daerah Kuala Selangor;
- Tuan Abu Suffian Bin Abu Yaziz, Presiden Persatuan Pegawai Syariah Malaysia;
- Ustaz Zamri Bin Zainal Abidin, Setiausaha Kanan Exco Agama Islam Selangor merangkap wakil YB Exco.

10. Untuk maklumat lanjut boleh berhubung dengan Encik Ahmad Hanis bin Ahmad Nafri, Pegawai Komunikasi Korporat JAKESS di talian 03-55191291 atau 018-3888376 atau emel di ahmadhanis@esyariah.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kehakiman Syariah Selangor